

29 JAN 1998

PEMANDU KITA KURANG AMBIL KIRA BAHAYA DI JALAN RAYA

JOHOR BAHRU, 29 Jan (Bernama) -- Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Datuk Pahamin Rajab berkata, para pemandu kenderaan dan penunggang motosikal di negara ini kurang mengambil kira tentang bahaya dan masalah yang bakal dihadapi mereka semasa di jalan raya.

Faktor itulah yang menyebabkan kemalangan banyak berlaku terutamanya di kalangan penunggang motosikal di musim perayaan ini, yang mana kenderaan bertambah dengan banyaknya di jalan-jalan raya.

"Sebagai seorang pemandu ataupun penunggang motosikal kita mesti merancang perjalanan dan tahu di manakah tempat-tempat berbahaya di jalan raya, agar dapat mengambilkira masalah atau bahaya kemalangan yang akan berlaku," katanya kepada pemberita selepas membuat tinjauan perjalanan bas-bas ekspres sempena perayaan berkembar di Terminal Bas Larkin, di sini, malam tadi.

Beliau memberi komen itu setelah ditanya mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed semalam yang kecewa dengan sikap kebanyakan penunggang motosikal dan pemandu kereta yang memandu secara berbahaya seolah-olah sengaja menempah maut.

Pahamin berkata, seorang pemandu yang baik, akan mengambilkira semua bahaya dan merancang perjalanan mereka agar dapat lebih berwaspada dan dapat tiba ke tempat yang dituju dengan selamat.

"Namun kita tak boleh nafikan bahawa kemalangan mungkin berlaku dalam keadaan kita berjaga-jaga dan itu adalah takdir," katanya.

Pahamin juga berpendapat bahawa faktor kemanusiaan menyumbang sebanyak 60 peratus dalam sesuatu kemalangan dan selebihnya mungkin disebabkan oleh faktor jalan raya itu sendiri. -- BERNAMA

RAM PR